



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwpcb.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

LAWATAN *WALKABOUT* DAN PERASMIAN LOT-LOT NIAGA TAMBAHAN DI TERMINAL BERSEPADU SELATAN, BANDAR TASIK SELATAN

KUALA LUMPUR, 29 Januari 2013 – YB Dato' M. Saravanan, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar hari ini menghadiri Program *Walkabout* dan Perasmian Lot-Lot Niaga Tambahan di Terminal Bersepadu Selatan, Bandar Tasik Selatan. Dalam majlis ini juga, beliau turut menyempurnakan majlis penyerahan kunci kepada 44 pemilik-pemilik gerai yang bertuah.

Lot-lot niaga tambahan ini pada asalnya adalah disediakan oleh tiga (3) Agensi Kerajaan iaitu Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Jabatan Perdana Menteri yang terdiri daripada 34 unit gerai TBS, 6 unit gerai *take-away* untuk peniaga makanan dan 4 unit *mobile kiosk*. Secara keseluruhannya ruang niaga tambahan yang disediakan berjumlah 44 lot. Kesemua ruang niaga ini siap pembinaannya pada 18 Jun 2012.

Namun demikian, pengisian ruang niaga tidak dapat dilaksanakan selepas pembinaan selesai kerana Bazar TBS yang menempatkan 34 unit gerai tidak mempunyai sesalur (ducting) untuk sistem penyaman udara. Pemasangan sesalur penyaman udara tersebut dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri

(BPH) melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) dan siap sepenuhnya pada 23 Disember 2012. Manakala, sesi undian telah diadakan pada 13 Disember 2012 untuk membolehkan para peniaga memasuki lot serta memulakan perniagaan.

Sebanyak 467 pemohon telah memohon bagi mendapatkan 44 lot-lot niaga tambahan yang disediakan dan ini menggambarkan rasa minat penjaja bagi memiliki lot berkenaan. 246 pemohon telah hadir dalam proses pengundian tersebut yang turut disaksikan oleh wakil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) serta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Secara keseluruhannya, sesi pengundian berjalan lancar dan mendapat kerjasama yang baik daripada semua pemohon yang hadir.

Adalah diharapkan dengan program *Walkabout* dan perasmian Lot-Lot Niaga Tambahan serta penyerahan kunci kepada penjaja yang berjaya ini, para penjaja akan dapat menjalankan perniagaan dan terus berusaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan yang dapat ditawarkan tanpa mengabaikan aspek – aspek kebersihan. Dengan ini hasrat kerajaan untuk meningkatkan pendapatan dan pembangunan penjaja akan berjaya disamping menjadikan Terminal Bersepadu Selatan ini terus berkembang maju dan menjadi destinasi yang popular untuk dikunjungi.

Disediakan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

29 Januari 2013

Kuala Lumpur